



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MOSTI SOKONG PENUH PELAKSANAAN INISIATIF *FRIENDS OF MINISTRY (FOM)*

PARLIMEN, 14 OGOS 2025 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini telah mengadakan sesi pertemuan bersama ahli-ahli *Friends of Ministry* (FOM) MOSTI bagi berkongsi perkembangan semasa usaha yang sedang dijalankan di bawah MOSTI untuk memperkasa sains, teknologi dan inovasi di Malaysia.

Inisiatif yang digerakkan oleh Kelab Penyokong Kerajaan Madani (*Backbenchers Club – BBC*) ini bertujuan memperkasa Ahli-ahli Parlimen Backbenchers sebagai **agen kementerian** dalam menjelaskan dasar dan polisi Kerajaan secara lebih efektif kepada rakyat di peringkat akar umbi.

MOSTI TELAH MERANGKA TIGA STRATEGI BAGI PELAKSANAAN UTAMA FOM IAITU:

- i. **Sesi Penerangan Khas** – Mengadakan taklimat berkala semasa sidang Parlimen untuk memberi penjelasan terperinci mengenai dasar, perundungan, dan cabaran MOSTI, termasuk pindaan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2024–2030, penggubalan RUU STI dan pindaan RUU Tenaga Atom.
- ii. **Pelantikan *Focal MP* Mengikut Agensi** – Setiap daripada 11 Ahli Parlimen yang dilantik di bawah FOM akan menjadi *focal MP* bagi agensi tertentu di bawah MOSTI.
- iii. **Penglibatan dalam Program Pembudayaan STI** – Ahli Parlimen akan dilibatkan secara langsung dalam program perdana MOSTI seperti **STI 100³** dan **STI MADANI** di kawasan masing-masing, bagi memastikan usaha pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dapat diperluaskan secara berkesan di peringkat akar umbi.

Menteri MOSTI, YB Tuan Chang Lih Kang dalam ucapannya berkata, “Friends of Ministry (FOM) ialah lantikan Ahli-ahli Parlimen mengikut kementerian bagi menyokong pelaksanaan agenda kerajaan. Bagi MOSTI, FOM MOSTI akan membantu memperkasa komunikasi kementerian di lapangan, selain menyumbang kepada perbincangan dasar yang dapat membawa kebaikan kepada rakyat. Dengan sokongan padu Ahli-ahli Parlimen ini, agenda sains, teknologi dan inovasi dapat disampaikan dengan lebih berkesan kepada semua lapisan masyarakat.”

Ahli-ahli FOM MOSTI yang telah dilantik iaitu:

- **YB Tuan Ngeh Koo Ham** (Beruas, DAP)
- **YB Puan Vivian Wong Shir Yee** (Sandakan, DAP)
- **YB Tuan Chow Yu Hui** (Raub, DAP)
- **YB Tuan Lee Chuan How** (Ipoh Timor, DAP)
- **YB Puan Yeo Bee Yin** (Puchong, DAP)
- **YB Tuan Chow Kon Yeow** (Batu Kawan, DAP)
- **YB Dato' Indera Mohd Shahar Bin Abdullah** (Paya Besar, BN)
- **YB Puan Hajah Rodziah Binti Ismail** (Ampang, PKR)
- **YB Dr. Mohammed Taufiq Bin Johari** (Sungai Petani, PKR)
- **YB Puan Rödiyah Binti Sapiee** (Batang Sadong, GPS)
- **YB Tuan Haji Azli Bin Yusof** (Shah Alam, AMANAH)
- **YB Puan Isnaraissah Munirah Bt Majilis** (Kota Belud, WARISAN)
- **YB Datuk Larry Soon** (Julau, PBM)

Program ini telah dihadiri Yang Berhormat Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah, Ahli Parlimen Paya Besar merangkap Pengurus BackBenchers Club Kerajaan Perpaduan, Ahli-Ahli Yang Berhormat serta barisan pengurusan MOSTI yang diketuai oleh Ketua Setiausaha MOSTI, YBhg. Datuk Seri Hj. Hashol Zam Zam bin Hj. Ahmad.

MOSTI yakin pelaksanaan inisiatif FOM akan memperkuuh jaringan komunikasi antara kementerian, Ahli Parlimen, dan masyarakat, seterusnya meningkatkan kefahaman rakyat terhadap peranan STI dalam pembangunan negara.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
14 OGOS 2025**

